

Graduan perubatan USIM amal pendekatan Islamiah



MEREKA JUGA DIDEHAHKAN KEPADA UNDANG-UNDANG SYARIAH DALAM PERUBATAN SERTA ILMU FIKAH DAN ETIKA PERUBATAN. PELAJAR KAMI PERLU MENGHAFAZ AYAT AL-QURAN TERPILIH BERDASARKAN KAITAN DENGAN ILMU PERUBATAN. KAMI BERBANGGA KERANA ADA BEBERAPA PELAJAR KAMI ADALAH HAFIZ DAN HAFIZAH."

Gabungan ilmu duniawi dan ukhrawi dalam pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadikan institusi itu memiliki keistimewaan tersendiri yang menarik kemasukan ramai pelajar, termasuk ke Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Ikuti sejarah penubuhan dan pencapaian fakulti itu selepas lebih 10 tahun beroperasi seperti yang disampaikan oleh Dekannya, Prof Madya Dr Muhammad Shamsir Mohd Aris, kepada wartawan *BH Varsiti*, Basir Zahrom.

S: Bolehkah Dr kongsi sejarah penubuhan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM?

J: Pada 26 Januari tahun 2004, kami mendapat kebenaran untuk menubuhkan fakulti perubatan di USIM. Ia merupakan fakulti perubatan awam yang kesembilan ditubuhkan.

Penubuhannya memberi peluang kepada pelajar lepasan 60 sekolah aliran agama di seluruh negara untuk mengikuti pengajian dalam bidang perubatan.

Kebanyakan lulusan sekolah agama itu terdiri daripada pelajar cemerlang peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dengan tertubuhnya fakulti ini, pelajar terbabit tidak lagi perlu ke negara lain untuk mendapatkan pendidikan dalam bidang perubatan yang berintegrasikan ilmu Islam.

Secara rasminya pada 1 Jun tahun 2004, Dekan melapor diri bertugas dan pada hari sama, seramai 30 pelajar kohort pertama melapor diri untuk mengikuti program Tamhidi Perubatan (seperti matrikulasi / asasi) USIM.

Selepas mengikuti pengajian selama setahun, 29 daripada mereka berjaya mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.5 ke atas dan diambil menjadi pelajar di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM.

Mereka terdiri daripada 16 pelajar lelaki dan 13 perem-

puan. Lebih manis, kini 12 daripada graduan kelompok pertama ini menyertai kami semula sebagai Pensyarah Perubatan Pelatih.

Fakulti ini ditempatkan di Menara A, Bangunan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Pandan Indah. Apabila fakulti lain berpindah ke kampus tetap USIM di Nilai, fakulti kami juga berpindah dan mengisi lima ruang di tingkat Menara B, iaitu dari tingkat sembilan hingga 14.

Semua pelajar kami diberikan kemudahan asrama. Pelajar praklinikal menetap di beberapa pangsupuri dalam lingkungan tiga kilometer dari fakulti, manakala penuntut klinikal ditempatkan di pangsupuri terletak bersebelahan Hospital Ampang yang menjadi hospital pengajar utama kami.

Pelajar klinikal kami juga dihantar ke Temerloh serta Pejabat Kesihatan Tampin untuk pengajaran dalam bidang klinikal dan kesihatan komuniti. Mereka ditempatkan di asrama yang menjadi rumah disewa oleh pihak universiti.

S: Apakah keistimewaan fakulti ini berbanding fakulti perubatan institusi pengajian tinggi lain?

J: Jika dilihat pada misi serta visi fakulti ini, kami mahu menjadi sebuah fakulti terunggul yang menerap dan

mengintegrasikan nilai Islam dalam perkembangan ilmu perubatan dan kesihatan.

Graduan kami dilatih untuk menyelesaikan masalah kontemporari berkaitan Islam dan perubatan menggunakan kaedah moden dan terkini.

Semua pelajar kami dipilih

daripada kalangan lepasan Tamhidi Perubatan USIM. Mereka lepasan sekolah menengah yang mengambil jurusan sains agama.

Program perubatan ini mengambil masa pengajian selama enam tahun, iaitu lebih setahun berbanding universiti lain

di Malaysia. Jangka masa ini diperlukan untuk mengintegrasikan pembelajaran dan nilai Islam dalam kurikulum kami.

Pelajar diberi tunjuk ajar silibus perubatan yang sama dengan mana-mana universiti di dunia ini dengan pengajaran tambahan seperti Sejarah Perubatan Islam, Keajaiban al-Quran dalam konteks perubatan, sunah, hadis, dan tafsir yang berkaitan ilmu perubatan.

Mereka juga didedahkan kepada undang-undang syariah dalam perubatan serta ilmu fikah dan etika perubatan. Pelajar kami perlu menghafaz ayat al-Quran terpilih berdasarkan kaitan dengan ilmu perubatan.

Kami berbangga kerana ada beberapa pelajar kami adalah hafiz dan hafizah. Seorang pelajar kami muncul Johan Hafazan al-Quran (30 juzuk) untuk tiga tahun berturut-turut pada peringkat Negeri Sembilan.

Lebih manis lagi apabila pelajar kami menerima pujian daripada pakar forensik kerana membantu memandikan mayat, mengkafankan dan seterusnya bersama-sama ahli keluarga menyembahyangkan mayat sebelum dibawa keluar dari bilik mayat.

Perkara berkenaan tidak dilakukan pelatih universiti lain dan itu semua kami sudah ajarkan kepada pelajar perubatan USIM untuk mereka praktikkan.

S: Apakah antara kejayaan pernah diraih warga fakulti ini sepanjang 10 tahun kewujudannya?

J: Sebagai sebuah fakulti perubatan yang boleh dikatakan agak muda usianya, kami masih boleh berbangga dengan kejayaan dicapai oleh pelajar dan pensyarah meliputi kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum.

Pasukan debat bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu fakulti ini memenangi kejohanan peringkat USIM serta kejohanan anjuran fakul-

ti perubatan lain di Malaysia.

Dalam bidang inovasi dan reka cipta, antara kejayaan yang boleh dibanggakan ialah kemenangan dua pingat emas, dua perak dan satu Anugerah Khas (Al khawrizmi) pada pertandingan Ekspo Inovasi Islam (i-Inova) baru-baru ini.

Fakulti ini menghantar enam penyertaan pelajar ke pertandingan itu dan hasilnya dua ciptaan mereka akan dipatenkan dan dikomersialkan oleh pihak universiti.

Pensyarah kami juga banyak memperoleh anugerah pembentang kertas kerja dan saintis muda pada peringkat nasional.

Baru-baru ini, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) memberi pengiktirafan akreditasi penuh selama lima tahun kepada fakulti kami setelah pihak panel pelawat berpuas hati dengan kurikulumnya. Fakulti kami juga dipilih menjadi tempat latihan bagi bakal penilai yang akan dilantik oleh pihak MQA dan Majlis Perubatan Malaysia.

Sehingga tahun lalu, seramai 176 graduan perubatan dilahirkan. Maklum balas diterima daripada pakar yang pernah menyelia pelajar ini dan pesakit ditemuduga mendapati wujud perbezaan ketara antara graduan kami dengan universiti lain, terutama dari aspek cara kerja mereka menggunakan pendekatan Islamiah.

S: Harapan Prof untuk tahun 2015

J: Tahun ini, saya mengharapkan fakulti kami diberikan keredaan dan kejayaan lebih cemerlang. Selepas berusia 10 tahun, fakulti ini akan menjadi lebih matang dan semakin cemerlang.

Dengan jumlah pensyarah yang bertambah terdiri daripada gabungan senior dan muda, kami akan terus berusaha mencapai matlamat melahirkan lebih ramai graduan prasiswazah serta memulakan program pascasiswazah dalam bidang praklinikal.

